

07 JUL 1998

Mazlan-Kerja

TIADA RANCANGAN PERLUAS WAKTU KERJA BERPERINGKAT

BANGI, 7 Julai (Bernama) -- Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Tan Sri Dr Mazlan Ahmad hari ini berkata, buat masa ini tiada rancangan untuk memperluaskan sistem waktu kerja berperingkat di agensi-agensi tertentu kerajaan di luar Lembah Klang.

JPA masih memerlukan masa untuk memastikan yang sistem waktu kerja berperingkat itu benar-benar berkesan memandangkan sebarang langkah memperluaskannya ke negeri-negeri membabitkan kos yang lebih tinggi bagi perkhidmatan awam, katanya.

"Kita juga memerlukan sedikit masa untuk melihat sama ada orang ramai mengambil kesempatan daripada jadual kerja baru itu untuk berurusan dengan agensi-agensi kerajaan," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan Seminar Kebangsaan Mengenai Pentadbiran Awam di sini, hari ini.

Waktu kerja berperingkat itu yang diperkenalkan pada Mei lepas membabitkan agensi-agensi kerajaan tertentu di ibu negara sahaja.

Di bawah sistem itu, pejabat-pejabat kerajaan akan memulakan perkhidmatan dari 7.30 pagi hingga 4.45 petang dari Isnin hingga Khamis, pada Jumaat waktu kerja sama kecuali waktu rehat dari 12.15 tengah hari hingga 2.45 petang dan waktu kerja antara 7.30 pagi dan 1.15 petang pada Sabtu.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sektor perkhidmatan awam perlu disusun semula untuk mengurangkan karenah birokrasi yang boleh melambatkan kelulusan permohonan.

Mazlan berkata, waktu kerja berperingkat-peringkat itu merupakan antara cara yang dikenal pasti dalam usaha mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan awam dan untuk mempercepatkan perkhidmatannya apabila berurusan dengan sektor swasta.

-- BERNAMA

HAK PR